

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Peribahasa Aros T.

- 1 Hana menyiapkan kerja yang disuruh oleh ibunya dengan segeranya supaya dia dapat menyiapkan latihan Matematik pula. Dia tidak suka menangguhkan kerja.
Apakah kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas?
A Bersekutu bertambah mutu
B Bertangguh itu pencuri masa
C Hidup ini suatu perlumbaan
D Hilang bahasa lenyaplah bangsa
- 2 Budak lelaki itu mengaku bahawa dialah yang memecahkan pasu bunga jirannya.
Kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan situasi di atas ialah _____.
A biar lambat asalkan selamat
B kita harus memberi dan menerima
C kata-kata lebih tajam daripada mata pedang
D berkata benarlah walaupun kebenaran itu menyakitkan
- 3 “_____. Oleh sebab itu, kita harus berusaha sedaya upaya untuk mencapai kemenangan,” kata Pak Rashid kepada anak-anaknya.
Apakah kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas?
A Hidup ini suatu perlumbaan
B Pandu cermat jiwa selamat
C Ajal dan maut di tangan Tuhan
D Yang lahir memperlihatkan yang batin
- 4 Sebagai pengawas, Harraz tetap melaporkan kesalahan kawan baiknya, Firas kepada guru disiplin.
Kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan situasi di atas ialah _____.
A kata dikotakan
B bahasa menunjukkan bangsa
C keadilan tidak mengenal kawan
D kita harus memberi dan menerima
- 5 Puan Siti Hajar mempunyai enam orang anak. Beliau berjaya mendidik anak-anaknya sehingga berjaya dalam pelajaran. Sebagai pakar ekonomi, beliau banyak memberikan sumbangan kepada negara juga.
Kata-kata hikmat yang sesuai dengan situasi di atas ialah _____.
A kita harus memberi dan menerima
B kehidupan memerlukan pengorbanan
C kasih ibu membawa ke syurga
D tangan yang menghayun buaian mampu menggoncang dunia
- 6 Inspektor Azman mengingatkan para pemandu di negara ini supaya berhati-hati semasa memandu kenderaan di jalan raya.
Kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan situasi di atas ialah _____.
A kata dikotakan
B pandu cermat jiwa selamat
C kita harus memberi dan menerima
D ajal dan maut di tangan Tuhan
- 7 Penduduk Kampung Siantan sentiasa bantu-membantu antara satu dengan yang lain dalam melakukan sesuatu perkara.
Keadaan ini diumpamakan seperti kata-kata hikmat yang berikut **kecuali**
A muafakat membawa berkat.
B bersekutu bertambah mutu.
C bahasa menunjukkan bangsa.
D bersatu teguh, bercerai roboh.
- 8 Cikgu Syahirah menasihati murid-murid kelas Tingkatan Dua Harmoni agar rajin membaca buku.
Apakah kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas?
A Masa itu emas
B Bahasa jiwa bangsa
C Membaca itu jambatan ilmu
D Kita harus memberi dan menerima

- 9 Zarul telah merancang perniagaan itu dengan berhati-hati sebelum memulakannya. Dia tidak mahu menanggung kerugian seperti kawan baiknya, Rafi.

Kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan situasi di atas ialah _____.

- A biar lambat asalkan selamat
- B bertanggung itu pencuri masa
- C kehidupan memerlukan pengorbanan
- D otak yang cerdas ada pada badan yang sihat

- 10 Li Min memulangkan buku cerita yang dipinjamnya daripada Damia seperti yang dijanjikannya.

Kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan situasi di atas ialah _____.

- A kata dikotakan
- B bersatu teguh bercerai roboh
- C bahasa menunjukkan bangsa
- D berkata benarlah walaupun kebenaran itu menyakitkan

- 11 Encik Nazir tidak lokek. Beliau sering mendermakan wangnya kepada orang miskin dan anak-anak yatim.

Apakah kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- A hilang bahasa lenyaplah bangsa
- B muafakat membawa berkat
- C yang lahir memperlihatkan yang batin
- D biar lambat asalkan selamat

- 12 Haura menangis apabila Wafi menghina di hadapan kawan-kawan mereka.

Apakah kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- A Keadilan tidak mengenal kawan
- B Hilang bahasa lenyaplah bangsa
- C Kata-kata lebih tajam daripada mata pedang
- D Berkata benarlah walaupun kebenaran itu menyakitkan

- 13 Dengan ilmu yang ada padanya, Nabil berjaya mengatasi setiap masalah dengan tenangnya.

Kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan situasi di atas ialah _____.

- A ilmu pelita hati
- B membaca jambatan ilmu
- C bersekutu bertambah mutu
- D otak yang cerdas ada pada badan yang sihat

- 14 Puan Natrah menasihati anak-anaknya agar sentiasa mengisi masa lapang mereka dengan perkara yang berfaedah.

Apakah kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- A Kata dikotakan
- B Masa itu emas
- C Ilmu pelita hati
- D Bersatu teguh bercerai roboh

- 15 Farah bertutur dengan sopan santun kepada sesiapa sahaja.

Apakah kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- A Hidup ini suatu perlumbaan
- B Bahasa menunjukkan bangsa
- C Kita harus memberi dan menerima
- D Berkata benarlah walaupun kebenaran itu menyakitkan

- 16 Pemuda yang terlibat dalam kemalangan di tempat kerja itu meninggal dunia dalam perjalanan ke hospital.

Kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan situasi di atas ialah _____.

- A biar lambat asalkan selamat
- B bertanggung itu pencuri masa
- C ajal dan maut di tangan Tuhan
- D kehidupan memerlukan pengorbanan